

# Usah abai peminjam kecil — PM

UM 12 JAN 2003

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa 10 buah bank di negara ini agar segera menubuhkan unit atau jabatan khas untuk mengendalikan urusan dengan peminjam kecil.

Gesaan Perdana Menteri itu ekoran aduan yang diterimanya berhubung sikap sesetengah bank yang memberi keutamaan kepada para peniaga besar setelah berlakunya proses penggabungan bank-bank.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan mengambil langkah yang tepat apabila mengecilkan jumlah bank dari 50 kepada 10 buah sehingga bank-bank yang digabungkan semakin berdaya maju dan membesar dengan kewangan yang semakin kukuh.

Bagaimanapun, beliau kecewa kerana bank-bank tempatan dikatakan tidak begitu bersedia dalam memberi pinjaman kepada peminjam kecil.

Katanya, terdapat rungutan bahawa bank-bank tempatan memberi keutamaan kepada para peminjam besar dan mengabaikan tanggungjawab mereka peminjam kecil.

“Bank-bank perlu memberi layanan yang sama rata kepada peminjam kecil sama seperti pelanggan besar mereka.

“Oleh itu, saya harap bank-bank menyediakan unit atau bahagian khas untuk berurusan dengan peminjam kecil. Saya berharap perkara ini diberi perhatian serius oleh semua bank,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika merasmikan pembukaan Bangunan AmFinance di Jalan Yap Kwan Seng di sini malam ini iaitu ibu pejabat baru bagi syarikat kewangan di bawah Kumpulan AmBank, AmFinance Berhad.

Bangunan setinggi 48 tingkat itu dahulunya dikenali sebagai Plaza MBf dan premis tersebut diambil alih dari MBf Finance setelah berlaku proses penggabungan dengan AmFinance pada 15 Jun tahun lalu.

Dalam ucapannya itu juga, Perdana Menteri mengingatkan pihak bank bahawa peminjam kecil memainkan peranan penting dalam sistem ekonomi negara malah kewujudan ‘pemain-pemain besar’ dalam ekonomi datangnya dari sumbangan peniaga kecil dan sederhana.

Menyedari betapa pentingnya sumbangan para peniaga kecil itu, kata beliau, kerajaan mahu industri kecil sederhana (IKS) dan ahli-ahli perniagaan kecil diberi kemudahan dalam mendapat pembiayaan sama seperti “orang yang meminjam berjuta-juta dolar”.

“Anda perlu ingat apabila peminjam besar gagal, anda kehilangan banyak wang tetapi apabila peminjam kecil gagal anda tidak kehilangan banyak wang,” tegas Dr. Mahathir lagi.

Secara berseloroh, Dr. Mahathir berkata, “Saya perlu ke bank untuk meminjam RM10,000. Jika anda tidak bersedia memberikan perkhidmatan, saya perlu menimbang semula untuk mempunyai 10 bank.

“Mungkin kita perlu kembali semula kepada 56 bank. Saya bukan mengugut tetapi menasihati. “Tetapi nasihat daripada Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri sepatutnya perlu diberi perhatian.”

Di majlis itu juga, Perdana Menteri menerima sumbangan RM1.2 juta bagi CPTM (Commonwealth Partnership and Technology Management) Endowment dan RM1 juta lagi bagi projek komuniti Malaysia.